

Mawakih : A -

4000015542

182757



PUMS99:1

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS@

JUDUL: IMPAK Pengurusan pondatang asing terhadap Tonga
kerja Bandar Di kota Kinabalu

IJAZAH: SERTIANA MUDA SAINS SOSIAL

SAYA ARNEE BINTI ABDUL HAMID SESI PENGAJIAN: 2009
(HURUF BESAR)

mengaku membenarkan tesis (LPSM/Sarjana/Doktor Falsafah) ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/)

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau Kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

PERPUSTAKAAN

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Disahkan Oleh

afis

(TANDATANGAN PENULIS)

Cerf

~~(TANDATANGAN PUSTAKAWAN)~~

ZN. ALIAKBAR Gulashu

Nama Penyelia

Alamat Tetap:

Tarikh: 18/05/09

CATATAN:- *Potong yang tidak berkenaan.

**Jika tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa /organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.

@Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana secara penyelidikan atau disertai bagi pengajian secara kerja kursus dan Laporan Projek Sarjana Muda (LPSM).

PERPUSTAKAAN UMS



1400015542



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

IMPAK PENGUSIRAN PENDATANG ASING TERHADAP TENAGA KERJA BANDAR DI KOTA KINABALU

ARNIE BINTI ABDUL HAMID

PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**TESISINI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI SYARAT
MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA MUDA SAINS
SOSIAL DENGAN KEPUJIAN
(BIDANG GEOGRAFI)**

**SEKOLAH SAINS SOSIAL
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2009**


PENGAKUAN

Saya akui karya ini yang bertajuk "*Impak Pengusiran Pendatang Asing Terhadap Tenaga Kerja Bandar di Kota Kinabalu*" adalah hasil kerja saya sendiri melainkan nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

Tandatangan :afc.....
Nama Penulis : Amie binti Abdul Hamid
Tarikh : 18 Mei 2009

PENGESAHAN PENYELIA

"Saya/Kami* akui bahawa saya/kami* telah membaca karya ini dan pada pandangan saya/kami* karya ini adalah memadai dari segi skop dan kualiti untuk tujuan penganugerahan ijazah Sarjana Muda Sains Sosial Dengan Kepujian".
(Bidang Geografi)

Tandatangan : 
Nama Penyelia I : Dr. MOHAMAD YUSOF BIN SULAIMAN
Tarikh : 15/5/05

Tandatangan :
Nama Penyelia II :
Tarikh :

* Potong yang tidak berkenaan.



PENGHARGAAN

Dengan kesempatan yang ada ini, penulis ingin merakamkan penghargaan ikhlas dan jutaan terima kasih kepada penyelia tesis, Encik Aliakbar Gulasan atas bimbingan dan dorongan yang diberikan sepanjang tempoh penyelidikan dan penyiapan tesis ini.

Ucapan penghargaan ini juga ditujukan kepada semua pensyarah Program Geografi, Sekolah Sains Sosial yang terlibat samada secara langsung atau tidak langsung di atas sokongan, pandangan dan tunjuk ajar yang diberikan semasa perjalanan projek ini.

Penghargaan yang tidak terhingga juga kepada kedua ibu bapa saya di atas berkat doa dan restu serta keprihatinan mereka sepanjang saya membuat penulisan ini. Tidak dilupakan kepada rakan-rakan yang sentiasa membantu sama ada dari segi fizikal maupun mental bagi menjayakan lagi penulisan latihan ilmiah ini.

Seterusnya, penghargaan ke atas sumbangan dan kerjasama daripada pihak Jabatan Imigresen Sabah, cawangan Daerah Kota Kinabalu, Seksyen Operasi Pasukan Petugas Khas Persekutuan (Sabah/Labuan), cawangan Kota Kinabalu, Jabatan Perancangan Bandaraya DBKK, Jabatan Perancangan Bandar dan Wilayah Kota Kinabalu, Jabatan Pengurusan dan Pelaburan DBKK – Bahagian GIS dan Pemetaan amatlah dihargai. Akhir sekali, ucapan penghargaan ini juga ditujukan kepada pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung atas sokongan dan bantuan teknikal sepanjang penyiapan penulisan latihan ilmiah ini.

ABSTRAK

IMPAK PENGUSIRAN PENDATANG ASING TERHADAP TENAGA KEJA BANDAR DI KOTA KINABALU

Kajian ini dilakukan untuk mengenalpasti impak pengusiran pendatang asing samada sah atau tanpa izin (PATI) terhadap tenaga kerja bandar terutamanya dalam sektor pembinaan. Kebanjiran pendatang asing samada sah mahupun tanpa izin, telah membuka penglibatan mereka dalam sektor pembinaan di Kota Kinabalu. Kajian ini dimulakan dengan penentuan lokasi, responden dan proses penganalisisan data. Analisis Crostab digunakan untuk menilai impak pengusiran pendatang asing sah dan tanpa izin terhadap tenaga kerja dalam sektor pembinaan. Implikasi yang wujud selepas pengusiran adalah kekurangan tenaga kerja, pertambahan dalam bebanan kerja, pertambahan masa kerja serta fasa untuk menyiapkan projek semakin panjang. Oleh itu, pengambilan pekerja asing samada sah atau tanpa izin (PATI) harus dipertimbangkan oleh pihak majikan. Manakala satu langkah kawalan terhadap kebanjiran pendatang asing harus dilakukan dengan giat bagi meminimumkan kadar penglibatan pekerja asing dan mengurangkan pengaliran wang keluar.

Kata kunci: Pengusiran Pendatang Asing Sah dan Tanpa Izin (PATI), Tenaga Kerja.

ABSTRACT**DISSIPATION IMPACT OF IMMIGRANT TO LABOUR FORCE IN KOTA KINABALU**

The purpose of this study is to examine the dissipation impact of illegal immigrant and immigrant to labour force in construction sector. Both of immigrant whether illegal or legal has involved themselves in the construction sector in Kota Kinabalu. The study was stated with determination of location, respondents and data analysis process. In the data analysis process, researcher has used Crosstab analysis to oversee the dissipation and reduction in labour force, increase in work burden, increase in working hour and also long term in finishing phase project. Thus, illegal and legal immigrant labour force shoul be put in consideration by employers. Furthermore, the authority should make a move in order to control the immigrations and minimizing the involvement of immigrants and to reduce cash flow to other countries.

SINGKATAN

JPBD	-	Jabatan Perancangan Bandar dan Desa
Km²	-	Kilometer persegi
KK	-	Kota Kinabalu
M	-	Meter
PATI	-	Pendatang Asing Tanpa Izin
PDRM	-	Polis Diraja Malaysia
RELA	-	Ikatan Relawan Rakyat
TASPOS	-	Pasukan Petugas Khas Persekutuan (Sabah/Labuan)
%	-	Peratusan

ISI KANDUNGAN

PERKARA	M/S
TAJUK	i
PENGAKUAN	ii
PENGESAHAN PENYELIA	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
<i>ABSTRACT</i>	vi
SENARAI SINGKATAN	vii
ISI KANDUNGAN	viii
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xiii
SENARAI LAMPIRAN	xv

BAB 1: PENGENALAN	1
1.1. Pendahuluan	1
1.2. Matlamat Dan Objektif Kajian	8
1.3 Kawasan Kajian	8
1.4. Latarbelakang Lokasi dan Kawasan Kajian	8
1.4.1. Kota Kinabalu	10
1.4.2. Ciri-Ciri Fizikal	15
1.4.2.1. Topografi	15
1.4.2.2. Tanah	15
1.4.2.3. Sistem Saliran	16
1.4.2.4. Tumbuh-tumbuhan dan Persekutaran	16
1.4.3. Ciri-Ciri Kemanusiaan	17
1.4.3.1. Penduduk Kota Kinabalu (KK)	17
1.4.3.2. Pusat Pertumbuhan dan Petempatan	19
1.5. Skop Kajian	20
1.6. Pernyataan Permasalahan Kajian	21

1.7.	Kepentingan Kajian	22
1.8.	Kesimpulan	23
BAB 2: SOROTAN LITERATUR		25
2.1.	Pendahuluan	25
2.2.	Huraian Konsep	26
2.2.1.	Impak	26
2.2.2.	Pengusiran	26
2.2.3.	Pendatang Asing	26
2.2.4.	Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI)	27
2.2.5.	Tenaga Kerja	27
2.2.6.	Bandar	28
2.3.	Tinjauan Kajian Lepas	29
2.4.	Kesimpulan	38
BAB 3: METODOLOGI KAJIAN		40
3.1.	Pendahuluan	40
3.2.	Prosedur Pengumpulan Data	41
3.2.1.	Data Primer	41
3.2.1.1.	Tinjauan awal	42
3.2.1.2.	Pemilihan Responden	43
3.2.1.3.	Pemerhatian	43
3.2.1.4.	Soalselidik	44
3.2.1.5.	Temubual bersama Pemaju Projek	45
3.2.1.6.	Teknik Visual	45
3.2.2.	Data Sekunder	46
3.2.2.1.	Data Perangkaan Tangkapan Imigresen Negeri Sabah Pada Bulan Januari-September 2008	46
3.2.2.2.	Data Statistik Bulanan Pengusiran PATI oleh Seksyen Operasi Petugas Khas (Sabah/Labuan) pada Januari-Ogos 2008	47
3.3.	Prosedur Penganalisisan Data	50
3.3.1.	Analisis Statistik	50

3.3.2.	Skala Nominal	51
3.3.3.	Microsft Excel 2007	51
3.3.4.	Snap 32	52
3.4.	Persembahan Data	53
3.5.	Batasan Dan Kesulitan	53
3.6.	Kesimpulan	54
BAB 4:	HUBUNGAN PENGUSIRAN PATI DENGAN TENAGA KERJA DI BANDARAYA KOTA KINABALU	55
4.1.	Pendahuluan	55
4.2.	Analisis Data Sekunder	56
	4.2.1. Data Pengusiran PATI daripada Imigresen	56
	4.2.2. Data Pengusiran PATI daripada TASPOS	59
4.3.	Analisis Data Primer	62
	4.3.1. Latarbelakang Responden	62
	4.3.2. Latarbelakang Responden Berkaitan Operasi dan Tangkapan PATI dalam Sektor Pembinaan	76
4.4.	Pernyataan Hasilan Kajian	87
4.5.	Kesimpulan	88
BAB 5:	PERBINCANGAN	89
5.1.	Pendahuluan	89
5.2.	Hasil Temubual Bersama Pihak Pemaju	89
	5.2.1. Temuramah Bersama Pemaju Sinkong dan Suria Wang	89
	5.2.2. Temuramah Bersama Pemaju Prima Structure Sdn.Bhd	93
5.3.	5.2.3. Temuramah Bersama Pemaju Timur Dalam Sdn.Bhd Hasil Temubual Bersama Penguatkuasa Di Tapak Projek Suria Sabah	96 98
	5.3.1. Cara Yang Digunakan Oleh PATI Untuk Melepaskan Diri daripada Serbuan Operasi Penangkapan	101
5.4.	Penemuan Hasilan Utama	105

5.5. Kesimpulan	106
BAB 6: CADANGAN DAN KESIMPULAN	107
BIBLIOGRAFI	114
LAMPIRAN	118-131

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	M/S
1.1:	Bilangan penduduk dan kadar perbandaran Kota Kinabalu bagi tahun 1980, 1991, dan 2000	19
3.1:	Jumlah Statistik Pengusiran PATI mengikut Warganegara dari Bulan Januari hingga Ogos 2008 oleh Pasukan Petugas Khas Persekutuan (Sabah/Labuan)	48
4.1:	Bilangan Jenis Warganegara mengikut Bangsa	66
4.2:	Bilangan Responden mengikut Jenis Warganegara serta Umur	66
4.3:	Bilangan Responden mengikut Jenis Warganegara dan Taraf Pendidikan	68
4.4:	Bilangan Responden mengikut Jenis warganegara dan Pendapatan	69
4.5:	Bilangan Responden mengikut Bidang yang diceburi dalam Sektor Pembinaan	71
4.6:	Tempoh Penglibatan Responden mengikut Jenis Warganegara	73
4.7:	Bilangan Responden mengikut Jenis Warganegara Berdasarkan Pemilikan Jenis Dokumen	74
4.8:	Jumlah Anggaran Pekerja Sebelum Operasi Tangkapan dilakukan	82
4.9:	Jumlah Anggaran Pekerja Selepas Operasi tangkapan dilakukan	83
4.10:	Bentuk Prestasi Kerja yang Menjejasakan Nilai Pekerjaan Responden	84
5.1	Temuramah bersama Pemaju-pemaju Projek di tiga Tapak Pembinaan	89



SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	TAJUK	M/S
1.1:	Kawasan konurbasi Kota Kinabalu	10
1.2:	Kedudukan Lokasi Kajian (Bandaraya Kota Kinabalu) dalam Daerah Kota Kinabalu, negeri Sabah	12
1.3:	Lokasi atau Tapak Projek Pembinaan	13
1.4:	Lokasi atau Tapak Projek Pembinaan	14
1.5:	Carta alir langkah-langkah penyelidikan	24
3.1:	Jumlah Tangkapan PATI Indonesia dan Filipina dari Bulan Januari hingga September 2008 oleh Jabatan Imigresen Sabah	47
4.1:	Jumlah Tangkapan PATI Indonesia dan Filipina dari Bulan Januari hingga September 2008 oleh Jabatan Imigresen Sabah	56
4.2:	Jumlah Tangkapan PATI Indonesia dan Filipina pada Januari hingga September 2008 oleh PDRM Sabah Kota Kinabalu	58
4.3:	Jumlah Statistik Pengusiran PATI mengikut Warganegara dari Bulan Januari hingga Ogos 2008 oleh Pasukan Petugas Khas Persekutuan (Sabah/Labuan)	60
4.4:	Bilangan Responden mengikut Jantina berdasarkan Tiga Tapak Projek	62
4.5:	Bilangan Responden mengikut Jenis Warganegara	64



4.6:	Bilangan Responden mengikut Jenis Warganegara dan Kampung Asal	65
4.7:	Faktor Penglibatan Responden dalam sektor Pembinaan mengikut Jenis Warganegara	76
4.8:	Status Penangkapan Responden Mengikut Jenis Warganegara	79
4.9:	Anggaran Jumlah Pekerja yang Tertangkap melalui operasi yang telah dijalankan oleh Pihak Berkuasa Tempatan	81
4.10:	Cadangan Responden dalam Menangani Isu Kekurangan Tenaga Kerja dalam Sektor Pembinaan	85
5.1:	Temubual bersama En. Pulah Astan dan En.Hakmat Diamin selaku Penguatkuasa di Suria Sabah	99
5.2:	Rumah Kongsi Para Pekerja yang Terletak di bahagian belakang Tapak Projek	101
5.3:	kawasan atau Tempat yang dituju untuk Melepaskan Diri daripada Serbuan Operasi	102
5.4:	Keadaan Bangunan Suria Sabah yang Masih dalam Proses Pembinaan	104



SENARAI LAMPIRAN

NO. LAMPIRAN	TAJUK	M/S
A1	Keadaan Semasa Persekutaran Tapak Pembinaan: Kondominium One Borneo	118
A2	Keadaan Semasa Persekutaran Tapak Pembinaan: Suria Sabah	119
A3	Keadaan Semasa Persekutaran Tapak Pembinaan: Alamesra	120
B1	Hasil Temubual Bersama Pemaju Projek: Suria Sabah, Kondominium One Borneo dan Alamesra	121
B2	Hasil Temubaik Bersama Responden: Tapak Projek Suria Sabah	122
B3	Hasil Temubaik Bersama Responden: Tapak Projek Kondominium One Borneo	123
B4	Hasil Temubaik Bersama Responden: Tapak Projek Alamesra	124
C1	Borang Soalselidik Responden: Bahagian A	125
C2	Borang Soalselidik Responden: Bahagian B	126
C3	Borang Temubual Bersama Pihak Pemaju	129

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Sejak mencapai kemerdekaan pada tahun 1957, Malaysia telah melaksanakan pelbagai projek pembangunan di bawah Rancangan Malaysia Pertama (RMK1) hingga Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK9). Melalui pelan pembangunan tersebut, Malaysia telah berjaya meletakkan nama sebagai sebuah negara membangun yang paling berjaya dalam pembangunan sosioekonominya. Kewujudan kekayaan sumber alam Malaysia serta perkembangan sektor-sektor pembinaan, perindustrian dan perladangan menyebabkan Malaysia berkembang pesat dengan jayanya, Usman Hj. Yaakob & Tarmiji Masron (tahun tidak dinyatakan).

Sehubungan itu, Sabah merupakan antara sebuah negeri yang mengalami arus pembangunan yang begitu rancak melalui pelbagai rancangan yang telah dijalankan sama ada di peringkat wilayah, daerah, bandar, mukim ataupun kampung. Oleh itu, jelas dilihat bahawa bandaraya Kota Kinabalu berkembang dengan pesat seiring dengan arus pembangunan negeri Sabah. Kesan daripada perkembangan pembangunan yang semakin pesat terutamanya dalam sektor pembinaan telah menimbulkan masalah baru dalam kekurangan tenaga kerja bandar dan akhirnya ramai pekerja asing diperlukan bagi memenuhi keperluan dalam proses pembangunan di bandaraya Kota Kinabalu. Oleh yang demikian, fenomena ini menyebabkan wujudnya migrasi yang berlaku secara besar-besaran samada migrasi dalaman dan juga migrasi antarabangsa.

Selepas perang dunia kedua, migrasi merentas sempadan yang mula giat di Eropah pada tahun 60-an menjadi semakin rancak pada akhir abad ke 20. Pada masa tersebut hampir semua negara di dunia terlibat dalam proses ini sebagai negara sumber atau negara penerima. Aliran migrasi ini, walaupun banyak memberi faedah, turut disertai dengan kesan negatif yang pelbagai khasnya di negara penerima. Masalah ini semakin sulit apabila pendatang asing tersebut bertambah bilangannya dan tidak pula masuk mengikut saluran yang sah, melanggar undang-undang imigresen atau undang-undang buruh. Pendatang asing yang melanggar undang-undang di negara penerima ini diberi label yang pelbagai iaitu "*Illegal Immigrants*", "*Undocumented Workers*" dan "*Irregular Workers*" di mana di Malaysia golongan ini dikenali sebagai Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI), Azizah Kassim et.al (2004).

Menurut Ramli et al. (2006) kemasukan pendatang asing samada sah mahupun tanpa izin (PATI) di Sabah khususnya berlaku secara 3 tahap yang utama. Tahap pertama adalah sebelum pembentukan Malaysia, tahap kedua pada tahun 1970-an apabila berlaku keadaan tidak menentu di Filipina dan Indonesia manakala tahap ketiga pula berlaku pada tahun 1980-an sehingga ke hari ini di mana mereka datang untuk tujuan ekonomi, peluang pelaburan dan pelancongan. Migrasi penduduk antara sesebuah negara dengan negara lain adalah berkait rapat dengan sejarah dan saluran perdagangan (Bilson Kurus, Ramian Goddos dan Richard T.Koh, 2000). Secara tradisinya, sistem barter telah memainkan peranan penting dalam kemasukan migran ke Sabah di mana aktiviti perdagangan melalui sistem barter antara Sabah, Kalimantan Timur, Celebes (Sulawesi), Pulau Mollucas dan pulau-pulau Selatan Filipina telah menyumbang kepada migrasi antarabangsa secara terbuka tanpa sebarang syarat-syarat perundangan.

Menurut United Nations 2005, terdapat kira-kira 200 juta migran antarabangsa dan 49.9 juta daripadanya adalah mereka yang tinggal di Asia dan dikatakan bahawa jumlah pekerja asing adalah seramai 1.91 juta tidak termasuk 400,000 pendatang asing tanpa izin (PATI). Kebanjiran migran buruh asing ke Malaysia terutama daripada Indonesia telah berlaku sejak tahun 1980-an dan jumlahnya dikatakan terus meningkat dengan ketara dan signifikan pada tahun 1990-an (McCall 1991; Hugo 1993). Implikasi daripada keadaan ini telah menunjukkan bahawa di negara Asia, Malaysia mempunyai bilangan PATI teramai iaitu dianggarkan 1.2 juta pada tahun 2004, Azizah Kassim *et.al* (2004).

Berdasarkan kajian aliran penghijrahan penduduk, migrasi akan meningkat pada masa hadapan sekiranya kuasa menolak dan menarik semakin menekan penduduk sesuatu kawasan untuk segera berpindah (Kliot, 1995). Senario ini bermaksud sekiranya wujud permasalahan sosio-ekonomi, politik dan persekitaran yang semakin teruk maka lebih banyak penduduk akan berpindah keluar daripada kawasan-kawasan yang bermasalah. Keadaan ini juga memberi petunjuk sekiranya masalah kemiskinan dan taraf hidup yang rendah tidak dapat dikurangkan dalam sesebuah negara maka penduduknya akan berpindah keluar dan berupaya memasuki Sabah dan khususnya bandaraya Kota Kinabalu untuk mencari pekerjaan dan pendapatan yang lebih baik untuk membiayai keluarga atau dirinya sendiri. Diskusi "Isu PATI dan Jenayah" yang dijalankan pada 17 Mac 2009 di Rancangan Televisyen Malaysia (RTM1) bersama Datuk Syed Hamid Albar, Menteri Dalam Negeri dan En. Nixon Haji Abdul Hadi, Usahawan sektor pembinaan Sabah menyatakan bahawa kemasukan dan kebanjiran pendatang asing sah mahupun tanpa izin (PATI) di Sabah adalah disebabkan oleh faktor geografi. Selain itu, kenyataan mengenai isu ini di Sabah juga turut memperlihatkan bahawa pendatang asing sah mahupun tanpa izin (PATI) yang mudah

dieksloitasi dari segi peluang pekerjaan, tempat tinggal dan gaji menyebabkan kemasukan mereka secara besar-besaran. Walau bagaimanapun, secara relatifnya penglibatan pendatang asing sah mahupun tanpa izin (PATI) di negeri Sabah khususnya di Kota Kinabalu adalah sangat berkait ke arah pekerjaan.

Justeru proses pembandaran yang berlaku di Kota Kinabalu yang tertumpu dalam sektor pembinaan telah mewujudkan peluang ekonomi yang lebih besar. Faktor ekonomi merupakan faktor utama kepada peningkatan terhadap kepadatan penduduk di bandaraya Kota Kinabalu selain daripada kedudukannya yang strategik terletak di kawasan pinggir pantai yang menyediakan peluang pekerjaan yang banyak. Sebelum pertengahan abad ke-19 sekatan terhadap migrasi antarabangsa tidak dijalankan dan akhirnya ramai pendatang-pendatang asing terutama daripada Indonesia dan Filipina berhijrah ke Sabah dengan mudah untuk mencari pekerjaan (Samsuanan, 2005).

Sehubungan itu, jumlah sebenar pendatang asing di Sabah sering menimbulkan persoalan memandangkan kebanyakan pendatang asing atau migran tidak memiliki dokumen perjalanan yang sah dan memasuki Sabah tanpa menggunakan saluran yang sah. Pengawalan yang kurang dikatakan faktor kepada kebanjiran pendatang asing sah mahupun tanpa izin (PATI) di Sabah kerana dengan mudah dapat memasuki perairan pantai negeri Sabah dan mendarat di jalan-jalan masuk utama seperti Sandakan, Tawau, Lahad Datu dan Semporna umumnya. Majoriti mereka dikatakan tertumpu di kawasan-kawasan bandar Kota Kinabalu yang memberikan peluang ekonomi dan pekerjaan terutamanya dalam sektor pembinaan. Berdasarkan Banci Penduduk (2000), Sabah merupakan negeri di Malaysia yang mempunyai bilangan warga asing yang teramai di mana 624,000 orang berada di Sabah yang menyumbang kepada 24% penduduk di Sabah. 140,000 orang daripada jumlah keseluruhan warga asing di Sabah

merupakan pekerja yang berdaftar manakala 60,000 orang lagi merupakan orang pelarian . Hasil daripada statistik Bancian Penduduk (2000) jelas menunjukkan bahawa hampir setengah juta orang merupakan warga asing yang tidak mempunyai sebarang dokumen atau lebih dikenali sebagai PATI.

Usaha untuk mentadbir pendatang asing sah mahupun tanpa izin (PATI) yang bergiat aktif dalam sektor pekerjaan dan guna tenaga kerja di Sabah pada awalnya hanya didasari andaian bahawa kehadiran mereka adalah bersifat sementara di mana untuk menampung keperluan buruh dalam sektor pembinaan, perladangan dan perkhidmatan dan dijangkakan mereka akan kembali semula ke negara asal selepas khidmat mereka tidak diperlukan lagi. Keadaan ini dilihat sebagai bukan satu ancaman dan akhirnya tiada sebarang mekanisma kerajaan untuk menapis kemasukan pendatang asing terutamanya yang tidak mempunyai sebarang dokumen ke Sabah. Kemasukan pendatang asing secara besar-besaran tanpa sebarang syarat-syarat perundangan memperlihatkan wujudnya kebanjiran PATI di Sabah yang semakin meningkat dan kesannya dilihat sehingga ke hari ini di mana isu ini semakin menular dan sukar untuk dikawal.

Isu menangani pendatang asing sah mahupun tanpa izin (PATI) ini telah banyak dilakukan terutamanya di negara antarabangsa. Antara langkah yang telah diambil untuk menangani isu ini adalah dengan program pendaftaran dan pemutihan dan program pengampunan. Selain itu, pindaan kepada undang-undang imigresen dan buruh di negara penerima dilakukan dengan menggunakan dua matlamat yang berbeza. Matlamat pertama, bagi membolehkan negara penerima menyerap pendatang asing sah mahupun tanpa izin (PATI) tersebut diberikan taraf penduduk tetap atau hak kerakyatan melalui "*Naturalisation*". Matlamat kedua adalah dengan program penghantaran balik

pendatang asing tanpa izin (PATI) ke negara asal mereka. Pelaksanaan langkah-langkah ini telah dilakukan dikebanyakan negara Barat amnya seperti Amerika Syarikat, Perancis pada tahun 80-an dan German, Azizah Kassim *et.al* (2004). Walau bagaimanapun, pelaksanaan program ini tidak mencapai kejayaan dan dikatakan gagal menurunkan bilangan pendatang asing sah maupun tanpa izin (PATI) apatah lagi menghapuskannya. Malah, senario ini dikatakan semakin berterusan sehingga ke hari ini.

Pelaksanaan program yang telah dijalankan di negara Barat khususnya telah dijadikan iktibar dan panduan kepada Malaysia dalam menangani isu ini di negeri Sabah. Pelbagai langkah telah dilakukan oleh pihak kerajaan dalam menangani masalah ini terutamanya di bandaraya Kota Kinabalu. Keseriusan masalah ini menyebabkan wujudnya operasi-operasi bersepada yang dijalankan oleh Kerajaan Tempatan dan Kerajaan Negeri bagi mengawal keadaan tersebut. Antara operasi yang telah dijalankan bagi membasmi kebanjiran pendatang asing terutamanya PATI di Sabah adalah seperti Ops Nyah, Bulan Pengampunan, Operasi Pemutihan dan sebagainya. Menurut Mantan Timbalan Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Najib Tun Razak, bercakap disidang akhbar pada 25 Jun 2008 di Kuala Lumpur (disunting oleh Bernama), beliau memandang serius isu pendatang asing terutamanya PATI dan ingin memastikan operasi bersepada akan dijalankan secara kolektif oleh semua agensi keselamatan di Sabah. Beliau mengharapkan bahawa operasi tersebut dapat mengurangkan jumlah kebanjiran pendatang asing khususnya PATI di Sabah dan masalah sosioekonomi rakyat Sabah yang disebabkan oleh penglibatan mereka dalam ekonomi di Sabah.

Implikasi terhadap operasi pengusiran pendatang asing sah dan tanpa izin (PATI) ini telah memberi kesan yang positif dan negatif kepada bandaraya Kota Kinabalu. Walau bagaimanapun, implikasi yang paling jelas dapat dilihat apabila berlakunya operasi ini ialah menyebabkan berlakunya kekurangan dalam sektor tenaga kerja bandar. Kebanyakan pekerja-pekerja yang bekerja sebagai buruh binaan di kawasan-kawasan pembinaan semakin berkurangan akibat daripada operasi besar-besaran membasmi kebanjiran pendatang asing terutamanya PATI di negeri Sabah. Impaknya proses pembangunan bandar terutamanya di bandaraya Kota Kinabalu mengalami masalah akibat kekurangan dalam tenaga kerja. Keadaan ini telah menimbulkan keimbangan terutamanya majikan-majikan yang memerlukan tenaga kerja yang banyak dalam sektor pembinaan di mana kekurangan dalam tenaga kerja akan memperlambatkan fasa dan proses pembangunan sesebuah bandar.

Justeru itu, pihak kerajaan negeri dan persekutuan haruslah bekerjasama dalam membasmi pendatang asing sah mahupun tanpa izin (PATI) di negeri Sabah bagi membendung masalah kebanjiran pendatang asing khasnya tanpa izin (PATI) yang semakin berleluasa. Walau bagaimanapun, untuk mencapai kemajuan pembangunan bandaraya Kota Kinabalu, masalah tenaga kerja bandar yang semakin meruncing akibat pengusiran pendatang asing sah mahupun tanpa izin (PATI) haruslah di atasi dan mencari jalan penyelesaiannya bagi mengatasi masalah kekurangan dalam tenaga kerja bandar terutamanya dalam sektor pembinaan.

2. Matlamat dan Objektif Kajian

Matlamat dan objektif kajian adalah untuk melihat “*Impak Pengusiran Pendatang Asing terhadap Tenaga Kerja Bandar di Bandaraya Kota Kinabalu*”. Antara objektif kajian ini adalah untuk:

- i. Mengkaji penyertaan dan penglibatan pendatang asing sah dan tanpa izin (PATI) dalam sektor pekerjaan.
- ii. Mengenalpasti kesan yang timbul akibat daripada operasi pengusiran pendatang asing sah mahupun tanpa izin (PATI).

3 Kawasan Kajian

Tapak terpilih untuk menjalankan kajian ini ialah sekitar bandaraya Kota Kinabalu (KK). Dalam kajian ini, impak pengusiran pendatang asing sah dan khasnya tanpa izin (PATI) dilihat sebagai memberi kesan atau implikasi kepada prestasi tenaga kerja bandar dalam sektor pembinaan. Justeru perkembangan dan pembangunan bandar KK telah menggalakkan peluang pekerjaan yang menyebabkan migrasi antarabangsa yang akhirnya memberi kesan kepada kebanjiran pendatang asing serta wujud pengusirannya.

Secara umumnya, permulaan perkembangan bandaraya Kota Kinabalu (KK) telah berlaku sejak zaman pra-penjajahan lagi yang ketika itu dikenali dengan nama Api-Api. Setelah kemasukan penjajah ke Sabah (terutamanya ke Kota Kinabalu), Api-Api telah ditukarkan kepada nama Jesselton. Bermula pada waktu tersebut pembangunan Jesselton mulai rancak dengan adanya pelabuhan Jesselton yang kini dikenali sebagai

BIBLIOGRAFI

- Abdul Samad Hadi. 1990. Kota Kinabalu: Daripada Satu Pengkalan Kepada Pusat Pembangunan Wilayah. Abdul Samad Hadi dan Sulong Mohamad (ed.). *10 Kajian Etnografi Sabah: Pembandaran dan Transformasi Bandar Negeri Sabah*. Bangi: UKM. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia. 25-50.
- Ahmad Mahdzan Ayob. 2005 (Edisi Ke-3). *Kaedah Penyelidikan Sosioekonomi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azizah Kassim. 2005. *Cross Border Movement of Foreign Workers In Malaysia: Comparative Analysis*
- Azizah Kassim. 2006. *Pola Petempatan dan Organisasi Sosio Ekonomi Kumpulan dan Komuniti Pendatang Asing Di Sabah: Kajian Kes Di Kota Kinabalu dan Kawasan Sekitarnya*. Unit Penyelidikan Etnografi dan Pembangunan Sekolah Sains Sosial. Universiti Malaysia Sabah: Kota Kinabalu.
- Azizah Kassim, Fazli Abdul Hamid & Ramli Dollah. 2004. *Pelaksanaan Program Pengampunan 2004: Tinjauan Awal Di Sabah*. Kertas Kerja Dibentangkan di Cross-Border Migration: Developing Policy Recommendation For Sabah. Unit Penyelidikan Etnografi dan Pembangunan, Sekolah Sains Sosial, Universiti Malaysia Sabah: Kota Kinabalu.
- Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2000. Laporan Negeri Sabah. Kuala Lumpur: Jabatan Perangkaan Malaysia.
- Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 1991. Laporan Negeri Sabah. Kuala Lumpur: Jabatan Perangkaan Malaysia, Mac 1995.
- Bernama. 2008. *Kerajaan Akan Lancar Operasi Besar-besaran Usir Pendatang Asing Tanpa Izin Di Sabah*. Bernama 25 Jun 2008
- Bilson Kurus, Ramlan Goddos & Richard T. Koh. 2000. *Migrant Flows In The ASEAN Region: Implications and Challenges*. Bengkel Tertutup Pendatang Asing/ Tanpa Izin Di Sabah. Sekolah Sains Sosial, Universiti Malaysia Sabah: Kota Kinabalu.
- Datuk Syed Hamid Albar dan En. Nixon Haji Abdul Hadi. 2009. Dalam *Isu PATI dan Jenayah di Malaysia*. (atas talian) Diskusi@TV1 pada 17 Mac 2009
- En. Chong, En Ivan, En. Pang, En Hakmat dan En Pulah. 2009. Temuramah bersama Pihak Pemaju dan Penguatkuasa Tapak Projek.
- Environmental Indicator Report, Sabah, Malaysia (1st Edition)*. 2003. Sabah: Environment Protection Department (ECD).



- Guneran A/L Murugayah. 1995. *Kehadiran dan kedudukan Sosio Ekonomi Pendatang Filipina Di Kampung Urai, Pulau Gaya, Sabah*. Universiti Malaysia Sabah: Kota Kinabalu.
- Hamirdin Ithnin dan Nordin Sakke (2000). *River Basin Management and the Quality of Surface Water: A Case of the Linggi River Basin, Negeri Sembilan, Malaysia*. Jamaluddin Md. Jahi, Kamaruzzaman Sopian, Mohd. Jailani Md. Noor, dan Abdul Hadi Harman Shah. 2001. Proceedings National Seminar on Environmental Management Issues and Challanges in Malaysia. Bangi: UKM on July 25th – 26th
- H. Hadari Nawawi. 1993. *Metode Penelitian Bidang Sosial*. Bullaksumur, Jakarta: Gadjah Mada University Press.
- Ho Ting Seng. 1989. International Migration and Urban Development: The Case of Filipino Immigrants in Sabah. Dalam Mohd Yaakub Hj. Johari & Baldev S. Sidhu (peny.), *Urbanization and Development: Prospect and Policies for Sabah Beyond 1990*. Kota Kinabalu: Sabah Institute For Development Studies.
- Hugo, G. 1993. *Indonesian Labour Migration to Malaysia: Trends and Policy Implications*. Southeast Asian Journal of Social Scienece, 21(1):36-70.
(atas talian)
<http://sssums.files.wordpress.com/2007/09/isu-isu-kependudukan-dan-migrasi-di-malaysia.pdf>
- International Labour Organization. 1972. *Formal and Informal Sector*. (atas talian)
<http://www.ilo.org/global/lang--en/index.htm>
- Jabatan Buruh Negeri Sabah. 2000. Kerajaan Negeri Sabah.
- Jabatan Imigresen Sabah. 2008. Statistik Pengusiran PATI (Temubual)
- Jabatan Perangkaan Malaysia. 2009. Guna Tenaga Kerja. (atas talian)
<http://www.statistics.gov.my/bm/>
- Jalihah Md. Shah & Ubong Imang. 2006. *Imigran Dan Pola Ekonomi Bandar: Kajian Kes Di Bandaraya Kota Kinabalu*. Dalam Norhaslina Hassan (peny.), *Dinamika Masyarakat Bandar Malaysia Ke Arah Kualiti Hidup Mapan*. Universiti Malaya: Kuala Lumpur
- JPBD. 1999. Kajian bertajuk "Rapid Survey of Development Opportunities & Constraints (Doc) for Kota Kinabalu". Tarikh Kajian: 1 February 1999 (atas talian)
www.townplanning.sabah.gov.my/iczm/ICZM%20in%20sabah/Districts/WestCoast/DOCSurvey/mst-1.html
- John Friedman & Robert Wulf. Terjemahan Nor Azizah Ali. 1986. *Perubahan Bandar: Kajian Perbandingan Masyarakat Perindustrian yang Baru*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Jones, Sydney. 2000. *Making Money Off Migrants: The Indonesian Exodus To Malaysia*. Centre for Asia Pacific Sosial Transformation Studies, (CAPSTRANS): University of Wollongong Australia.
- Jurry Foo. 2001. Dalam Alvira Simon, 2006 (peny.) *Pengaruh Gunatanah Ke Atas Kualiti Air: Kajian Kes Lembangan Sungai Pegalan*. Sekolah Sains Sosial. Universiti Malaysia Sabah: Kota Kinabalu.
- Kamus Dewan. 1999. Pendeta. (Ver. 1). CD-ROM. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kartini Kartono. 1990. *Pengantar Metodologi Riset Sosial*. Bandung: Penerbit Mandar Maju.
- Katiman Rosman. 2000. Perbandaran dan Pembangunan Bandar Lestari : Isu Perkembangan Penduduk Bandar Di Malaysia. Dalam Hasan Mat Nor et.al. *Isu-Isu Pembangunan Sosio Ekonomi*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan Malaysia. (atas talian) www.kpkt.gov.my
- Kliot, N. 1995. *Global Migration and Ethnicity: Contemporary case-studies*. Dalam Geographies of Global Change, Johnston, R.J. et al. (Eds), Blackwell Publisher: 176-190 (atas talian) <http://sssums.files.wordpress.com/2007/09/isu-isu-kependudukan-dan-migrasi-di-malaysia.pdf>
- Laporan Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK). 2000. *Statistik Perobohan Petempatan Setinggan Di Kota Kinabalu*. Sabah
- Laporan Jabatan Tenaga Kerja Sabah. 2004. *Statistik Pengeluaran Lesen Menggaji Pekerja Imigran Tahun 1997 hingga Jun 2003*. Kota Kinabalu: Sabah
- Laporan Tahunan Statistik Negeri Sabah. 2003. *Anggaran Populasi Pekerja Tempatan dan Pekerja Asing Berdaftar di Sabah Tahun 2000-2003*. Kota Kinabalu: Sabah
- Lee Yong Leng. 1982. *Sabah: Satu Kajian Geografi Penempatan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Majalah Dewan Masyarakat Keluaran April 1986.
- McCall, G. 1991. *The Future of Migration in the Pacific and Asia, International Migration Review*. 25 (3): 620-624. (atas talian) <http://sssums.files.wordpress.com/2007/09/isu-isu-kependudukan-dan-migrasi-di-malaysia.pdf>
- Pasukan Petugas Khas Persekutuan (Sabah/Labuan) TASPOS Majlis Keselamatan Negara, Jabatan Perdana Menteri, Bahagian Seksyen Operasi. 2008. *Statistik dan Laporan Bulanan Penangkapan dan Pengusiran PATI di Kota Kinabalu, Sandakan, Tawau dan Kota Belud*.



- Ramli Dollah, Fazli Abdul Hamid & Rizal Zamani Idris. 2006. Perbandaran dan Jenayah Dalam Kalangan Pendatang Asing Di Kota Kinabalu Sabah. Dalam Norhaslina Hassan (peny.), *Dinamika Masyarakat Bandar Malaysia Ke Arah Kualiti Hidup Mapan*. Universiti Malaya: Kuala Lumpur.
- Regis, Patricia. 1989. Demography. Dalam Jefry Kitingan, Maximus J. Ongkili (eds). *Sabah 25 Years Later, 1963-1988*. Sabah Institute For Development Studies.
- Rohana Yusof, 2003. *Penyelidikan Sains Sosial* (Terbitan Pertama). Pahang Darul Makmur: PTS Publications & Distributor Sdn Bhd.
- Salmie Jemon. 2005. Pengurusan Buruh Asing Di Sabah. Dalam Azizah Kassim (peny.), *Proceeding Of Seminar On State Responses To The Presence & Employment Of Foreign Workers In Sabah*. Unit Penyelidikan Etnografi & Pembangunan. Universiti Malaysia Sabah: Kota Kinabalu.
- Samsuan Samsudin. 2005. *Transmigrasi dan Sektor Informal: kajian Kes Di Kota Kinabalu Sabah*. Latihan Ilmiah Program Hubungan Industri, Sekolah Sains Sosial, Universiti Malaysia Sabah: Kota Kinabalu.
- Sham Sani. 1990. Pembandaran dan Alam Sekitar. Abdul Samad Hadi dan Sulong Mohamad (ed.). *10 Kajian Etnografi Sabah: Pembandaran dan Transformasi Bandar Negeri Sabah*, Bangi: UKM. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia. 227-235.
- Sidang Editor . 1984. *Pelarian Mengadu Nasib Di Sabah*. Dewan Masyarakat Keluaran November. Muka Surat 7
- Tracy Chin Fui Moi. 1985. *Kedudukan Buruh Asing Dalam Pembangunan Ekonomi Sabah*. Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan. Universiti Sains Malaysia.
- United Nations. 1999. *World Population Prospects The 1998 Revision*. New York. (atas talian) <http://sssums.files.wordpress.com/2007/09/isu-isu-kependudukan-dan-migrasi-di-malaysia.pdf>
- Usman Hj. Yaakob & Tarmiji Masron. Isu-Isu Kependudukan dan Migrasi Di Malaysia. Bahagian Geografi Pusat Pengajian Ilmu Kemanusia: Universiti Sains Malaysia. (atas talian) <http://sssums.files.wordpress.com/2007/09/isu-isu-kependudukan-dan-migrasi-di-malaysia.pdf>
- Wan Shawaluddin Wan Hassan et.al. 2008. Pendatang Asing Tanpa Izin Dan Pilihan Raya 2008 Di Sabah. Dalam Worran Hj. Kabul et.al (peny.), *Landskap Politik Malaysia Pasca Pilihan Raya Ke-12, 2009*. Universiti Teknologi Malaysia (UITM).
- Wan Shawaluddin Wan Hassan & Ramli Dollah. 2002. *Pendatang Filipina Di Sabah: Satu Tinjauan dari Sudut Keselamatan*. Kertas Kerja Dibentangkan di Borneo Research Council Seventh Biennial International Conference. Universiti Malaysia Sabah: Kota Kinabalu.